

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 12 BILANGAN 22 RABU 31 MEI, 1967.

1387 رابو 21

PERCHUMA

Ranchangan perikanan mendatangkan faedah pada raayat

BANDAR BRUNEI — Yang Amat Berhormat Menteri Besar Brunei, Dato Seri Paduka Marsal bin Maun telah melahirkan harapan bahawa usaha memelihara ikan ayer tawar, udang, kerang dan tiram yang telah di-ranchangkan untuk negeri ini akan mendatangkan faedah kepada raayat.

Beliau menyebutkan harapan ini ketika melawat jabatan baru perikanan baru2 ini bersama2 dengan Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Md. Yusuf.

Pegawai Perikanan Negara, Dr. E. Birkenmeier yang mengalu2kan lawatan beliau itu telah menerangkan ranchangan jabatan-nya hendak menambatkan pengeluaran ikan di-negeri ini.

Kata-nya, kerja2 sedang berjalan dengan lancar-nya untuk menchari tempat yang paling sesuai bagi kolam2 udang dan satu kawasan telah pun di-pileh dekat Bandar Brunei bagi pembenaan kolam2 ikan ayer tawar.

Dr. Birkenmeier telah memberi tahu Yang Amat Berhormat Menteri Besar bahawa jabatan perikanan sedang menjalankan penyiasatan terhadap chontoh2 ayer untuk menentukan beberapa tempat di-telok Brunei yang paling sesuai bagi pembenaan kolam2 udang.

Dato Seri Paduka Marsal telah memuji ranchangan itu dan menyeru semua nelayan2 tempatan supaya bekerjasama dengan jabatan perikanan guna menambahkan hasil ikan.

Baru2 ini, Dr. Birkenmeier telah mengumumkan tentang ranchangan2 jabatan-nya itu yang akan selesai tidak lama lagi.

Beliau berkata, kajian2 sashtra mendalam untuk pemeliharaan ikan2 itu dari chontoh2 ayer bagi mengukork kandungan garam di-dalam ayer itu telah pun di-jalankan.

Jabatan Perikanan juga telah membentok beberapa chontoh rekaan kolam yang sangat sesuai memelihara udang.

Sa-lanjut-nya Dr. Birkenmeier berkata bahawa beliau telah membuat permohonan untuk mendapatkan sa-bidang tanah lapang di-Sungai Jambu, Jalan Gadong tidak jauh dari Bandar Brunei untuk mendirikan beberapa buah kolam ayer tawar.

Kata-nya, sa-baik2 saja Kerajaan meluluskan permohonan itu kerja2 untuk mendirikan sa-buah kawasan memelihara ikan di-negeri ini akan dapat di-percepatkan.

Dr. Birkenmeier menambah, jabatan-nya sedang menimbangkan juga kemungkinan memelihara kerang dan tiram untuk di-jadikan makanan.

Sementara itu, Pusat Pertanian Minyak Shell Brunei di-Senaut dalam Daerah Tutong sedang menyediakan sa-buah kolam yang akan di-gunakan bagi memelihara beberapa jenis ikan ayer tawar.

Sa-orang juruchakap sharikat Shell berkata, tiga orang yang tinggal di-pusat pertanian itu akan bertanggung jawab menguruskan kolam tersebut dibawah penyeliaan sharikat untuk memelihara ikan2 itu.

Ikan2 tersebut ada-lah dari jenis ikan yang baik yang boleh mendapatkan harga yang tinggi apabila di-jual di-pasar kelak. Jenis2 ikan itu ada-lah di-bawa masok dari Malaysia Barat.

Usaha meluaskan ranchangan2 di-Senaut ada-lah sesuai dengan ranchangan sharikat yang hendak memboktikan bahawa pertanian, ternakan dan memelihara ikan jika chu-

kop di-modali dan di-arahkan dengan sempurna akan dapat mendatangkan keuntungan yang lumayan dan merupakan pekerjaan yang berfaedah.

Juruchakap itu berkata, Sharikat Shell berharap bahawa dengan berjaya-nya pusat pertanian itu akan dapat memboktikan bahawa pertanian ada-lah satu2-nya perusahaan untuk memperjeniskan ekonomi negeri ini.



Yang Amat Berhormat, Dato Seri Paduka Marsal bin Maun sedang melihat bahan2 makanan untuk ikan2 kecil dengan menggunakan teropong.

KETUA PEJABAT DI-MINTA BEKERJASAMA

BANDAR BRUNEI. — Kerajaan telah mengumumkan langkah2 untuk melancar dan melichinkan pelaksanaan ranchangan2 kemajuan di-daerah2 negeri ini.

Satu arahan yang di-terbitkan oleh Pejabat Setia Usaha Kerajaan meminta ketua2 pejabat supaya bekerjasama sa-penohnya dengan pegawai2 daerah dalam usaha melaksanakan ranchangan2 kemajuan di-daerah masing2.

Arahan itu menyebutkan tentang soal tanah dan kese'amatan sa-bagai perkara2 yang ada hubungan-nya dengan kemajuan sa-suatu daerah.

Sa-terus-nya arahan itu menyatakan bahawa pada masa lampau, jabatan2 kerajaan telah tidak memberikan kerjasama yang sa-wajar-nya kepada pegawai2 daerah di-negeri ini.

"Ini menimbulkan kesulitan kepada pegawai2 Daerah untuk mengetahui dan mengawal ran-

changan2 kemajuan di-daerah2 mereka".

Arahan itu juga meminta ketua2 pejabat supaya berdamping dengan pegawai2 daerah sa-belum melaksanakan ranchangan2 kemajuan di-daerah2 negeri ini.

Sementara itu, Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Ali bin Awang Besar menyatakan bahawa langkah2 untuk memberi kemudahan2 penghi-

(Lihat muka 8)

Perchubaaan menanam padi dari Filipina berjaya

BANDAR BRUNEI — Jabatan Pertanian telah memilh sa-bidang tanah di-Pusat Pertanian Kilanas untok Perchubaaan menanam sa-jenis padi baru yang telah di-bawa masok dari Filipina.

Jenis padi baru itu di-kenali sa-bagai IR8 dan telah di-usahakan di-Yayasan Penyiasatan Padi Antara Bangsa dekat Manila. Ia-nya boleh di-tanam dua kali sa-tahun.

Sa-orang juruchakap Jabatan Pertanian berkata, usaha menanam padi jenis IR8 itu di-Kilanas merupakan usaha lanjutan kepada satu perchubaaan yang telah di-jalankan di-Pusat Pertanian di-Lumapas, Kilanas dan Temburong.

Baru2 ini ketika di-tuaii sabidang sawah perchubaaan di-Lumapas di-dapati bahawa padi jenis IR8 itu mendatangkan hasil yang amat lumayan.

Hasil dari tuaian itu ia-lah 1,000 gantang padi telah diperolehi dari satu ekar, dan padi2 itu menguning dalam

masa 14 hari.

Juruchakap itu menambahkan, sa-belum jenis IR8 itu di-bahagikan kepada peladang2, jabatan ini terpaksa menjalankan lagi penyiasatan terhadap hasil2 tanaman dari lain2 bahagian di-negeri ini.

Ini ada-lah untok mengetahui jenis tanah yang paling sesuai bagi menanam padi jenis IR8 itu.

Sementara itu, Pegawai Haiwan, Dr. C. V. Subramaniam berkata bahawa penyakit ayam telah monchol di-negeri ini.

Penyakit itu yang lebeh di-kenali dengan Penyakit "Bulan Tujoh" ada-lah membawa maut kepada ternakan ayam, sama ada anak2 ayam atau ayam2 yang telah besar. Biasa-nya, ayam2 itu akan mati dalam masa 48 jam sa-telah menjangkit penyakit tersebut.

Pegawai Haiwan itu berkata, apabila sa-suatu perusahaan menternak ayam di-serang oleh penakit bulan tujoh itu, kematian meningkat kepada hampir2 100 peratus. Penyakit ini tidak dapat di-sembohkan.

Walau bagaimana pun, penyakit itu boleh di-halang jika penternak2 ayam mengambil langkah2 penchehagan.

Beliau menasehatkan supaya di-suntik ayam2 kechil sa-belum berumur tiga hari dan sakali lagi apabila ayam2 itu berumur enam minggu.

Lain2 langkah untok menchehag penyakit itu ia-lah ayam2 yang sedia ada hendaklah di-asingkan dari ayam2 baru di-beli manakala ayam2 yang mati hendaklah di-bakar atau di-tanam.

Pegawai Haiwan sa-lanjutnya berkata, ayam2 yang telah mati jangan-lah sekali2 di-buang ka-dalam sungai atau kolam dan ayam2 hendaklah jangan di-beli dari tempat2 atau pasar2 yang kotor.

PERLU-NYA KERJASAMA

SA-SABUAH negara baik dimana2 jua pun perhatian utamanya ia-lah soal2 mencari jalan untok mengembang dan memajukan diri-nya dalam berbagai2 segi agar mempunyai persaingan dengan negara2 yang lebeh maju dari-nya.

Apakah perkembangan dan kemajuan itu boleh di-chapai dengan baik di-samping ada-nya wang yang banyak dan bertimbun-nya alat2 rakasa yang diperlukan, jika tidak di-sertai dengan kerjasama yang sa-erat2nya antara semua pehak.

Baharu2 ini, Pejabat Setia Usaha Kerajaan telah menerbitkan arahan yang di-tujukan kepada ketua2 pejabat yang meminta pegawai2 itu bekerjasama dengan sa-wajar-nya dengan pegawai2 daerah dalam usaha melaksanakan ranchangan2 kemajuan.

Arahan itu menyebut bahawa pada masa2 lampau, jabatan2 kerajaan telah tidak memberikan kerjasama sa-demikian kepada Pegawai2 daerah di-negeri ini. Hal ini telah menimbulkan kesulitan kepada pegawai2 daerah untok mengetahui dan mengawal ranchangan2 kemajuan di-daerah2 mereka itu.

Langkah menerbitkan arahan serupa itu ada-lah sa-bagai satu langkah untok mengeratkan persafahaman dan berdamping rapat antara ketua2 pejabat dan pegawai2 daerah bagi melichinkan perjalanan ranchangan perkembangan dan kemajuan negara.

Untok menyibarkan tentang keadaan ranchangan2 perkembangan dan kemajuan itu ada-lah tanggung jawab Jabatan Penyiaran dan Penerangan. Dan, ini hanya akan dapat di-lakukan dengan ada-nya kerjasama pejabat2 yang berkenaan.

Haruslah di-sedari bahawa perkhidmatan sa-saorang kaki tangan kerajaan ada-lah mempunyai tanggung jawab masing2 agar sama2 menumpukan perhatian untok melichinkan perjalanan perkhidmatan Kerajaan terhadap pembangunan negara dan bangsa.

KERJA2 PEMBENAAN STADIUM BRUNEI BERJALAN DENGAN BAIK

BANDAR BRUNEI — Kerja2 ka-atas beberapa bahagian pembenaan stadium, dekat Bandar Brunei sedang berjalan dengan baik.

Ranchangan tersebut yang telah di-umomkan oleh kerajaan dalam tahun 1965 kerana memajukan sokan dan lain2 permainan di-kalangan raayat sedang di-laksanakan dalam be-

berapa peringkat tetapi ka-utamaan pembenaan di-berikan kepada usaha membena sa-buah kolam barnang ukoran olympik.

Tiga perempat dari kolam bernang itu telah di-bena, dan ada-lah di-harapkan bahawa kolam tersebut akan siap di-bena sa-belum akhir tahun ini.

Kolam bernang itu di-bena menurut mutu yang tinggi untok membolehkan peraduan2 kebangsaan dan antara-bangsa dapat di-langsungkan di-Bruni.

Ia-nya boleh mengisi 350 orang para penunton dan di-lengkapkan dengan papan2 terjun.

Ayer untok kolam bernang itu akan di-bersehhkan oleh sa-buah jentera penapisan.

Bahagian yang terbesar sakali dalam rangkaian stadium itu ia-lah gelanggang sokan dimana kemudahan2 bagi permainan2 sokan di-dalam atau di-luar bangunan saperti hokey dan bola sepak akan di-adakan.

Bahan2 di-Muzium Brunei bertambah

BANDAR BRUNEI—Bahan2 pameran di-Muzium Brunei telah bertambah dengan ada-nya barang2 purba yang di-kembalikan oleh Muizum Sarawak.

Penyelenggara Muzium, Pengiran Sharifuddin Pengiran Metali berkata, barang2 lama itu telah di-pinjamkan kepada Muzium Sarawak untok dipamerkan ketika Brunei pada masa itu belum mempunyai muzium-nya sendiri.

Barang2 tersebut di-perolehi sa-telah penggalian di-Kota Batu oleh Tuan Tom Harrison, bekas Penyelenggara Muzium Sarawak dalam tahun 1954, dan ia-nya di-kenali sa-bagai barang2 terpendam dari sa-buah bandar yang di-perchayai makmor di-kawasan itu, mulai kurun yang ke-16 hingga kurun ka-18 Masehi.

Pengiran Sharifuddin berkata, barang2 terpendam dan purba itu sa-chara beransor2 di-himpunkan di-Muzium negeri ini.

Barang2 itu ka-semua-nya akan di-pamerkan, sa-baik2 sahaja bangunan muzium yang menelan belanja dua sa-tengah juta ringgit itu siap di-bena.

MASAALAH PROJEK PEMBANGUNAN BELAIT

KUALA BELAIT. — Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail hari Ahad yang lalu telah menyebut tentang masaalah yang di-hadapi oleh pejabat-nya dalam melaksanakan projek2 pembangunan daerah.

Walau pun demikian, pegawai2 kerajaan di-bawah beliau telah menjalankan tanggung-jawab2 mereka dan akan terus berbuat demikian sa-berapa yang dapat mereka lakukan.

Mereka telah mengawasi atau mengarah pembenaan balai pulis, rumah2 dan barek2 di-Labi dan bangunan balai pulis itu akan dibuka dengan rasmi-nya tidak lama lagi.

Pengiran Momin berkata, pega-

wai2 jabatan daerah sekarang pun sedang menjalankan projek untok memajukan kawasan2 luar bandar. Mereka menjalankan kerja2 membena sa-batang jalan raya sa-panjang 14 batu dari Andulau ka-Bukit Puan dan Labi.

Projek2 itu memerlukan pembenaan sa-buah jambatan besar yang menyeberangi sungai Belait dekat Bukit Puan. Kerja membena jambatan itu telah berjalan dengan lichen dan sekarang hampir2 siap.

Menyebut tentang kesukaran melaksanakan projek2 pembenaan di-daerah itu, Pengiran Momin menjelaskan bahawa kesukaran besar yang di-hadapi ia-lah keadaan tanah di-kawasan bandaran Seria dan Kuala Belait.

Beliau menjelaskan bahawa keadaan tanah itu bukan sahaja lechak, tetapi kadang2 mengandong ayer kerana bentok-nya rata.

"Ini membuat tapak2 bangunan itu perlu di-tembok dan hal itu telah menambahkan lagi perbelanjaan pembangunan", tegas Pengiran Momin.

Pengiran Momin berkata, bahan2 untok menembok kawasan itu bukannya senang di-dapati, malahan pengambilan pasir dari pantai yang biasa di-gunakan untok tujuan itu ada-lah bergantung kepada keadaan ayer.

"Bahan2 di-datangkan dari bandar dengan kapal dan perahu melalui sungai di-kawasan itu dan oleh sebab mereka bergantung kepada ayer pasang atau hujan, maka pengangkutan terpaksa di-gantungkan apabila ayer kering".

Pengiran Momin berkata bahawa masaalah ini di-hadapi sama2 oleh kerajaan dan pedagang2 terutama sekali pemborong2.

Pertukaran Guru2 Sekolah2 Melayu

BANDAR BRUNEI. — Setelah di-ketahui beberapa buah sekolah2 yang guru-nya sangat2 berkurangan dan ada pula yang berlebihan, maka Jabatan Pelajaran terpaksa membetulkan kedudukan itu dengan mengatorkan pertukaran guru2 yang di-sebutkan di-bawah. Dan tarikh pertukaran ini mula di-jalankan pada 20hb. Mei, 1967.

Ibrahim bin Abd. Rahman dari Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin ka-Sekolah Melayu Bukit Sawat, menjadi Guru Besar; Zainal b. Abdullah, dari S.M. Bukit Sawat ka-S.M. SUAS, Muara, menjadi G. Penulong; Ak. Shahbudin b. P. H. Tengah, dari S.M. SUAS, Muara, ka-S.M. Ahmad Tajuddin, menjadi G. Penulong; Saleha bte. Salim, dari S.M. Muhammad Alam, ka-S.M. Ahmad Tajuddin, menjadi G. Penulong.

Pelajar2 agama akan terus di-hantar keluar negeri

BANDAR BRUNEI — Brunei akan terus menghantar pelajar2 yang mempunyai harapan masa depan ka-saberang laut walau pun Brunei mempunyai dua buah sekolah menengah Arab lelaki dan perempuan di-Bandar Brunei.

Dua buah sekolah itu maseh belum di-rasmikan pembukaannya ia-itu Sekolah Menengah Arab Hassanah Bolkiah dan Sekolah Menengah Arab Raja Isteri Anak Damit yang masing2 telah pun mempunyai sa-ramai 59 orang pelajar.

Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Agama, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kamaluddin berkata, kedua buah sekolah menengah itu bukanlah merupakan sekolah2 biasa dalam arti kata yang sa-benarnya.

Kata-nya, sa-lain dari mata2 pelajaran agama, sekolah2 itu juga mengajar beberapa bahasa, ilmu sains, ilmu hisab dan lain2 mata pelajaran yang mustahak untuk melengkapkan pelajar2 bagi memasuki mana2 universiti.

Pengiran Muda Dato Paduka Kamaluddin menerangkan, pelajar2 agama yang pada masa ini berada di-Singapura, Malaysia Barat dan tempat2 lain hanya mempelajari ilmu pengetahuan agama sa-mata2 dan Bahasa Arab.

Mereka itu hanya akan dapat berkhidmat dengan Jabatan Agama sa-bagai pensharah2 dan guru2 agama sa-lepas mereka tamat belajar.

Sa-lanjut-nya beliau menerangkan bahawa pelajar2 agama akan terus di-hantar ka-sekolah2 sa-berang laut dan juga di-maktab2 sa-hingga keperluan2 bagi Jabatan Hal-Ehwal Agama dapat di-hadapi dengan sempurna.

Pada masa ini, Brunei mempunyai 82 orang pelajar agama di-Malaysia Barat, Singapura dan Mesir. Di-antara mereka terdapat 23 orang pelajar wanita.

long; Sarbanun bte. Pisi, dari S.M. Muda Hashim, ka-S.M. Sinaut, menjadi G. Penulong; Muhammad b. Abdullah dari S.M. Sengkurong, ka-S.M. Sinaut, menjadi G. Penulong; Mukti bin Ahmad, dari S.M. Lumapas, ka-S.M. Sungai Liang, menjadi G. Penulong; Rosli bin Haji Md. Nor, dari S.M. Sungai Hanching, ka-S.M. Sungai Liang, menjadi G. Penulong; Rosman b. Burut dari S.M. SUAS, Muara ka-S.M. Sultan Hasan, menjadi G. Penulong; Suboh binte Kalong, dari S.M. Sultan Hasan ka-S.M. Sengkurong, menjadi G. Penulong.

Muhamad b. Abu Bakar, dari S.M. Labi, ka-S.M. Ahmad Tajuddin, menjadi G. Penulong; Paweh b. Abd. Latif, dari S.M. Muda Hashim, ka-S.M. S.M.J.A., menjadi G. Penulong; Ahmad b. Tudin, dari S.M. OKSB, Kilanas, ka-S.M. Sengkurong, menjadi G. Penulong; Shahbudin bin Taha, dari S.M. Sengkurong, ka-S.M. OKSB Kilanas, menjadi G. Penulong; Md. Ali b. Tahir, dari S.M. Birau, ka-S.M. Muda Hashim, menjadi G. Penulong;

Ak. Muhamad b. P. Md. Saleh, dari S.M. Rampayoh ka-S.M. Delima I, menjadi G. Penulong; Ak. Hasan b. P. Mohidin, dari Delima I, ka-S.M. S.M.J.A., menjadi G. Penulong; Yunos bin Diok, dari S.M. Panchor Murai, ka-S.M. Bukit Sawat, menjadi G. Pelateh; Zailani bin Piut, dari S.M. S.M.J.A., ka-S.M. Lumut, menjadi G. Pelateh; Ak. Abd. Latif b. P. Tajuddin, dari S.M. Sengkurong, ka-Sungai Liang, menjadi G. Pelateh.

Yahya b. Abd. Kadir, dari S.M. Lamunin, ka-S.M. Birau menjadi G. Pelateh; Hamzah bin Raya, dari S.M. Mentiri, ka-S.M. Lumut, G. Pelateh; Dy. Norhani bte. Md. Yasin, dari S.M. P. Kesuma Negara, ka-S.M. Muda Hashim, menjadi G. Pelateh; Suhaili b. Ladi dari S.M. Mentiri ka-S.M. Su-

ngai Damit Pamadang, menjadi G. Pelateh; Puasa b. H. A. Rahman, dari S.M. Bengkurong, ka-S.M. Rampayoh, menjadi G. Pelateh.

Siti Rahmah bte. Husain, dari S.M. Ahmad Tajudin, ka-S.M. Muhammad Alam, menjadi G. Pelateh; Ak. Aji b. P. Tahir, dari S.M. Kasat, ka-S.M. Muhammad Alam, menjadi G. Pelateh; Ak. Saidi b. P. M. Daud, dari S.M. Berbunut, ka-S.M. Muhammad Alam, menjadi G. Pelateh; Lina bte. Abd. Rahman, dari S.M. Ahmad Tajuddin, ka-S.M. Muhammad Alam, menjadi Guru Urusan Rumah Tangga dan Pg. Tajuddin bin P. Rabaha, dari S.M. S.M.J.A., ka-S.M. Angerek Desa, menjadi P. Guru Besar.

Sa-belum meninggalkan sekolah guru2 tersebut hendaklah menyerahkan tanggungjawab masing2 kepada guru besar sekolah atau kepada wakil-nya.

Keinderaan pertukaran ini hendaklah di-atorkan oleh Nadzir sekolah2 yang berkenaan dengan menggunakan keinderaan Kerajaan. Jika tidak dapat berbuat demikian urusanlah dengan keinderaan sewa sa-chara bayaran tambang biasa.

Orang2 tahanan yang di-bebaskan dengan penghidupan baru

BUNUT. — Orang2 bekas tahanan yang telah menjalani kursus2 pemulehan telah disifatkan sa-bagai berkelakuan baik dan pada umum-nya diterima baik oleh masyarakat.

Pegawai Pemulehan Negara, Awang L. J. Brown berkata bahawa kebanyakan dari 1,684 orang bekas tahanan itu adalah bergembira dengan penghidupan baru mereka dan menjalinkan sa-tengah2 kerja yang mereka pelajari sa-masa dalam tahanan atau pun kembali kepada kerja2 lama mereka.

Awang Brown menjelaskan bahawa tidak sa-orang pun

Perkhidmatan Pos di-perluaskan

BANDAR BRUNEI. — Keadaan penoh sesak di-Pejabat Pos di-sini akan dapat di-atasi tidak lama lagi berikutan dengan usaha2 mengubah dan meluaskan bangunan pos yang ada sekarang.

Pengarah Pos, Awang Haji Ali Khan berkata bahawa bangunan pos di-Bandar Brunei akan mempunyai sa-buah bangunan tambahan yang akan di-jadikan pejabat besar bagi penyusunan dan pemilehan surat2.

Sa-banyak 2,000 peti surat juga akan dapat di-adakan di-bahagian tambahan itu sa-lain dari sa-buah bilek pejabat yang lapang di-sabelah bawah untuk kegunaan kaki tangan jabatan itu.

Awang Haji Ali Khan menambah, usaha memperbaiki pejabat pos itu meliputi pembesaran meja "kauntar" orang ramai dan bilek2 pejabat yang lebeh besar.

Sa-lain dari itu, tegas beliau, bilek2 telepon akan di-adakan lebeh banyak lagi dan bagitu juga meshen2 stemi serta mengadakan peti2 surat yang lebeh besar dan lebeh mudah di-gunakan.

dari orang2 bekas tahanan yang telah di-bebaskan dari pusat pemulehan Bunut di-tangkap sa-mula dan kembali ka-dalam tahanan.

Sejak mereka di-bebaskan melalui pusat itu, kata beliau, kelakuan bekas orang2 tahanan itu ada-lah baik.

Sa-bagai meneruskan usaha Kursus2 Pemulehan di-Bunut, Awang Brown sa-kali sa-kala melawat bekas orang2 tahanan itu di-kampung2 mereka.

Mereka tinggal di-dalam kira2 150 buah kampung dan mereka telah di-terima sa-penoh-nya oleh masyarakat kampung masing2.

KEJADIAN PENYAKIT MALARIA MAKIN KURANG

BANDAR BRUNEI. — Kejadian penyakit Malaria di-negeri ini telah berkurangan dari 1.12 peratus dalam tahun 1964/1965 kepada 0.02 peratus pada tahun lalu.

Ketua Projek Penghapus Malaria, Dr. Yao-Tsing Wu berkata, matalamat jabatan-nya hendak menghapuskan penyakit Malaria di-negeri ini telah dapat di-chapai dengan jaya-nya melalui kerjasama pegawai2 daerah, ketua2 kampung dan orang ramai di-kawasan2 luar bandar.

Pada tahun lalu hanya 26 kejadian penyakit Malaria telah berlaku di-bandingkan dengan 133 kejadian dalam tahun 1964/65.

Pihak berkuasa penghapus Malaria, setakat ini telah menemui tujuh kejadian penyakit tersebut pada tahun ini.

Dr. Wu berkata, dari jumlah penyakit itu dua kejadian merupakan penyakit ulangan dan lima yang lain di-bawa masuk dari lain2 negara yang maseh terdapat penyakit Malaria.

Beliau menyatakan, kejadian penyakit Malaria yang di-bawa masuk dari luar negeri ada-lah merupakan sumber2 pating kerana berlaku-nya jangkitan sa-mula penyakit Malaria di-negeri ini.

Pihak berkuasa penghapus Malaria, kata beliau, sedang bekerja rapat dengan Jabatan Buroh untuk menentukan bahawa kaum buroh yang di-bawa masuk dari negara2 yang maseh menghadapi penyakit itu supaya tidak akan menyebarkan penyakit tersebut ka-Brunei.



D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin selaku Pegawai Pemerintah Tertinggi AMDB (nombor 2 dari kiri) ketika berangkat melawat ka-khemah AMDB di-Berakas. Di-kiri sekali ia-lah Lt. Col. H.F. Burrows Pegawai Pemerintah AMDB sekarang dan di-kanan sekali ia-lah Kapitan Sulaiman bin Awang Damit, Adjutan AMDB pada masa ini.



Pegawai Pemerintah Pertama AMDB, Brig. Tengku Ahmad (di-tengah2) bergambar dengan enam orang pegawai2 AMDB yang terdiri dari pemuda2 tempatan. Dari kiri, Lt. Hussain Hj. Mohammad, Kapitan Yusuf bin Md. Said, Kapitan Sulaiman bin Awang Damit, Brig. Tengku Ahmad, Kapitan Ak. Ibnu bin Pg. Hj. Apang, Kapitan Mohammad bin Haji Daud dan Kapitan Ariffin bin Hj. Abd. Wahab.



Gambar pemandangan sa-bahagian dari bangunan dan perumahan Askar Melayu Di-Raja Brunei di-Berakas.

6 tahun usia

HARI ini, hari Rabu 31 Mei, 1967 ada-lah Hari Ulang Tahun yang ke-enam penubohan Askar Melayu Di-Raja Brunei. Dan pada hari ini, ada-lah juga hari kelepasan awam di-seluruh Negeri Brunei.

Dalam permulaan penubohan-nya enam tahun dahulu, tiga orang pemuda2 tempatan telah di-pilih oleh Kerajaan untuk berlatih sa-bagai Pegawai2 Kadet dan 59 orang pemuda sa-bagai rekrut bagi menjalani latihan dalam hal ehwal ketenteraan di-Malaya.

Pegawai2 Kadet tersebut ia-lah Awang Sulaiman bin Awang Damit, Awang Mohamad b. Hj. Daud dan Ak. Ibnu bin Pgn. Haji Apang. Mereka pada masa ini menyandang jawatan sa-bagai Kapitan dalam Askar Melayu Di-Raja Brunei.

Kapitan Sulaiman b. Awg. Damit pada masa ini bertugas sa-bagai Adjutan. Kapitan Mohamad dan Kapitan Ak. Ibnu menjadi Timbalan Ketua Rifle Kompani.

LATEHAN PEGAWAI2

Rekrut2 sa-ramai 59 orang itu telah menjalani latihan di-Port Dickson, Negri Sembilan, Malaya; manakala Pegawai2 Kadet itu pula telah berlatih di-Maktab Tentera Di-Raja Malaysia hingga bulan Mach, 1964.

Dalam masa menjalani latihan di-Malaya pasokan Askar Melayu Brunei telah di-tempatkan di-Segenting Camp, Port Dickson, Malaya.

Pasokan itu telah kembali ka-Brunei dalam bulan Mei, 1964 dan di-tempatkan di-Perkhemahan Berakas, ia-itu salah sa-buah daripada Per-

khemahan2 Tentera yang terbaik sekali di-Tenggara Asia, letak-nya kira2 9 batu dari Bandar Brunei.

Pada 31 Mei, 1965 Pasokan tersebut telah di-kurniakan gelaran "Di-Raja" oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin, yang juga menjadi Pegawai Pemerintah Tertinggi Askar Melayu Di-Raja Brunei dalam satu Perbarisan yang bersejarah di-Perkhemahan Berakas. Dan mulai pada tarikh tersebut, Pasokan itu di-gelarkan sa-bagai ASKAR MELAYU DI-RAJA BRUNEI.

Sa-tahun kemudian, ia-itu pada 31 Mei, 1966 Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan telah mengurniakan Panji2 dalam satu istiadat perbarisan di-Perkhemahan Berakas kepada Pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei.

Pada masa ini Askar Melayu Di-Raja Brunei mempunyai 3 buah helikopter dan 3 buah kapal2 ronda. Sa-buah lagi kapal ronda



yang laju, jenis "Vosper" akan tiba di-Brunei dari United Kingdom pada akhir tahun ini.

Semenjak perajurit2 Askar Melayu Di-Raja Brunei balek dari Malaya, semua rekrut2 itu di-latih di-Perkhemahan Berakas. Pegawai2-nya pula di-hantarkan oleh Kerajaan untuk berlatih di-United Kingdom dan Australia.

Pada masa ini sa-orang Pegawai A.M.D.B. berlatih di-Akademik Tentera di-Sandhurst, England dan 2 orang berlatih di-Sekolah Pegawai Kadet, Mons, England.

REKRUT PERTAMA

Sa-hingga sekarang, sa-ramai 19 orang Pegawai2 Askar Melayu Di-Raja Brunei telah mendapat latihan di-luar negeri, ia-itu Kadet orang berlatih di-Maktab Tentera Di-Raja Malaysia; delapan orang di-United Kingdom dan 3 orang di-Australia.

Sa-lain dari itu, beberapa orang pegawai2 tidak bertauliah

Askar Melayu Di-Raja Brunei

(N.C.O.) telah juga di-hantarkan untuk berlatih dalam hal ehwal ketenteraan di-United Kingdom, Australia, Singapura dan Malaysia. Mereka telah mempelajari latihan payong terjun, kereta perisai, chara peperangan dalam hutan dan lain2-nya.

Askar Melayu Di-Raja Brunei telah menjalankan berbagai2 perkhidmatan yang chemerlang untuk negara. Di-antara-nya ia-lah pada bulan Oktober, 1966, pasokan itu telah dapat menawan empat orang ahli2

Tentera Nasional Kalimantan Utara di-Daerah Temburong dengan tidak menda-tangkan kerugian kepada Pegawai2 dan perajurit2 yang mengambil bahagian dalam gerakan tersebut.

Semenjak hari lahir-nya hingga ka-hari ini, tiga orang Pegawai2 Tentera telah menyandang jawatan sa-bagai Pegawai Pemerintah Askar Melayu Di-Raja Brunei.


Pegawai Pemerintah yang pertama ia-lah Brigadier Tengku Ahmad bin Tengku Besar Burhanuddin, sa-orang Pegawai Kanan Tentera Malaysia yang telah di-pinjamkan untuk berkhidmat dengan Askar Melayu Di-Raja Brunei.

Kemudian, Lt.-Col. Dato Setia D. M. Fletcher telah di-lantik menjadi Pegawai Pemerintah A.M.D.B. sa-lepas tamat perkhidmatan Brigadier Tengku Ahmad.

Sa-lepas Lt.-Col. Dato Fletcher, jawatan Pegawai Pemerintah itu telah di-sandang oleh Lt.-Col. H. F. Burrows hingga-lah ka-hari ini.



Bangunan Ibu Pejabat Askar Melayu Di-Raja Brunei.



Pesawat hovercraft yang di-punyai oleh Askar Melayu Di-Raja Brunei di-gunakan bagi mempercepat perkhidmatan-nya terhadap keselamatan penduduk dan negara. Pesawat ini selalu kelihatan menyusur perayeran di-sekitar pantai2 di-negeri ini.



Dua orang perajurit sedang menjalani latihan kechemasan sa-masa dalam perkhemahan di-hutan.



Tiga buah kapal ronda Askar Melayu Di-Raja Brunei ketika dalam latihan pelayaran.

SOKAN DAN OLAH-RAGA

Perlawanan Sokan Tahunan antara Sekolah2 Menengah dan Maktab2 seluruh Negeri Brunei, kali yang kedua telah berlangsung pada 19 Mei, 1967, di-Padang Besar Bandar Brunei.

Perlawanan itu ada-lah satu daripada Projek Tahunan yang di-anjorkan oleh Jabatan Pelajaran Brunei.

Sa-banyak 16 pasukan yang mengandungi sa-ramai 279 orang ia-itu 151 orang lelaki dan 128 orang perempuan telah mengambil bahagian dalam perlawanan itu. Sekolah2 yang memasuki perlawanan tersebut ia-lah:—

Maktab Perguruan Melayu Brunei; Maktab S.O.A.S., Bandar Brunei; Maktab Anthony Abell, Seria; Sekolah Menengah Melayu Pertama, Brunei; Sekolah Menengah Melayu S.M.J.A., Brunei; Sekolah Menengah Melayu Ahmad Tajuddin, Belait; Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Tutong; Sekolah Menengah Melayu Sultan Hasan, Temburong; Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, Brunei; Sekolah St. Andrew's, Brunei; Sekolah St. George's, Brunei; Sekolah Menengah Chung Hwa, Brunei; Sekolah Menengah Chung Ching, Seria; Sekolah St. Angela's, Seria; Sekolah St. Margaret's, Seria dan Sekolah St. Michael's, Seria.

Keputusan perlawanan berpasukan bahagian kumpulan laki2, pertama, Pasokan Maktab S.O.A.S., Brunei mendapat 35 mata; Kedua, Pasokan Maktab Perguruan Melayu Brunei mendapat 30 mata dan Ketiga, Pasokan Maktab Anthony Abell Seria mendapat 15 mata.

Bahagian Kumpulan Perempuan, pertama, Pasokan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri Brunei mendapat 24 mata, kedua, Pasokan St. Margaret's, Seria mendapat 14 mata dan ketiga, dua pasukan mendapat sama 10 mata ia-itu Maktab Perguruan Melayu Brunei dan Maktab S.O.A.S., Bandar Brunei.

Champion Mata Kemenangan Lelaki dan Perempuan, pertama, Pasokan Maktab S.O.A.S., Bandar Brunei mendapat 45 mata, kedua, Pasokan Maktab Perguruan Melayu Brunei mendapat 40 mata dan ketiga, Pasokan Maktab Anthony Abell, Seria mendapat 21 mata.

PERSA-ORANGAN

110 METRES LOMPAT PAGAR.

Pertama, Rani Metasan (MPMB) dengan menchatet masa 16.8 sa'at ia telah dapat memecahkan record tahun 1966 yang di-buat oleh Yahya Hamid (MPMB) dengan masanya 17.5 sa'at, kedua, Osman

Razali (SOAS) dengan menchatet masa 17.9 sa'at, dan ketiga, Johari (MAA) dengan menchatet masa 18 sa'at.

LARI 100 METRES.

Pertama, Md. Zain S. Mahmud (MSOAS) dengan menchatet masa 12.1 sa'at dan tidak dapat memecahkan record tahun 1966 yang di-buat oleh Akip Edin (MPMB) dengan menchatet masa 11.1 sa'at, kedua, Hasan Nudin (MAA) dengan menchatet masa 12.2 sa'at dan ketiga, Ak. Tengah P. A. Rahman (MPMB) dengan menchatet masa 12.4 sa'at.

LARI 200 METRES.

Pemenang pertama, kedua dan ketiga telah dapat memecahkan record tahun 1966 yang di-buat oleh Mokhtar Yasin (MPMB) dengan masanya 26 sa'at.

Pertama, Sanny Hj. A. Rahman (MAA) dengan menchatet masa 24.6 sa'at, kedua, Sadin Madiman (MPMB) dengan menchatet masa 25 sa'at, dan ketiga, Momin Ibrahim (MSOAS) dengan menchatet masa 25.2 sa'at.

LARI 400 METRES.

Pertama, Jaya Osman (MSOAS) dengan menchatet masa 56.3 sa'at dan telah memecahkan record tahun 1966 yang di-buat oleh Ahmad A. Rahman (MAA) dengan masanya 56.5 sa'at, kedua, Ahmad Hj. A. Rahman (MAA) dengan menchatet masa 57.2 sa'at, dan ketiga, Kuala Bungkok (MPMB) dengan menchatet masa 59.3 sa'at.

LARI 800 METRES.

Pertama, Bahar Arshad (MSOAS) dengan menchatet masa 2m. 16.6 sa'at. Ia tidak dapat memecahkan record tahun 1966 yang di-buat oleh Ramli Dagong (MPMB) dengan masanya 2m. 11.3 sa'at, kedua, Ak. Ya'akub P. Tuah (SMMP) dengan menchatet masa 2m. 21 sa'at, dan ketiga, Ramli Dagong (MPMB) dengan menchatet masa 2m. 23.3 sa'at.

LARI 1,500 METRES.

Pertama, Haradhon (MSOAS) dengan menchatet masa 4m. 54 sa'at. Ia tidak dapat memecahkan record tahun 1966 yang di-buat oleh Ibrahim Abd. Rahman dengan masanya 4m. 36 sa'at, kedua, Zainal Gana (MAA) dengan menchatet masa 4m. 57 sa'at, dan ketiga, Ismail Jumat (S.M. Hashim) dengan menchatet masa 5m 9.3 sa'at.

LARI BERGANTI2 100mx4.

Pertama, Pasokan MPMB dengan menchatet masa 47.2 sa'at. Pasokan ini telah memecahkan record tahun 1966 yang di-buat oleh Pasokan MSOAS dengan masanya 47.5 sa'at, kedua, Pasokan Maktab SOAS dengan menchatet masa

48.2 sa'at dan ketiga, Pasokan MAA dengan menchatet masa 48.9 sa'at.

LOMPAT BERGALAH.

Pertama, Ak. Damit (MSOAS) tinggi lompatan 9' 6". Ia tidak dapat memecahkan record tahun 1966 yang di-buat oleh Abdullah Zakiah/St. James, Seria dengan lompatannya 10' 3 3/4" kedua, Wan Zain Wan Ali (SMM Belait) tinggi lompatan 9' 6" dan ketiga, Lee Nyuk Pin/St. George's, tinggi lompatan 9' 0".

LOMPAT JAUH.

Pertama, Sulaiman Ahmad (MPMB) jauh lompatan 19' 3 1/2". Ia tidak dapat memecahkan record tahun 1966 yang di-buat olehnya sendiri yang jauh lompatannya 19' 9", kedua, Ghani Metali (MSOAS) jauh lompatan 19' 3" dan ketiga, Nawi Sabli (SMMP) jauh lompatan 17' 7".

LONTAR LEMBING.

Pertama, Ludi Sundai (St. Michael's) jauh lontaran 140' 8" dan tidak dapat memecahkan record tahun 1966 yang di-buat oleh Peter Ho (St. Margaret's) yang jauh lontaran 143' 3 1/2", kedua, Sahari A. Besar (MSOAS) jauh lontaran 140' 6" dan ketiga, Junaidi Kaling (MPMB) jauh lontaran 129' 3".

LOMPAT TINGGI.

Pemenang pertama dan kedua telah memecahkan record tahun yang di-buat oleh Kasim Ahmad (SMMP) tinggi lompatannya 5' 2".

Pertama, Muhammad (MPMB) tinggi lompatan 5' 4 1/2", kedua, Chen Kim Yong (St. Michael's) tinggi lompatan 5' 4 1/2", dan ketiga, Raman Wahid (St. Margaret's) tinggi lompatan 5' 2".

BUANG PELURU.

Pertama, Terrence Boyd (MSOAS) jauh buangan 34' 2" dan tidak dapat memecahkan record tahun 1966 yang di-buat oleh Md. Yusuf Damit (MPMB) jauh buangan-nya 37' 4", kedua, Hang Peng Kuang (SMMP) jauh buangan 34' 1 1/2", dan ketiga, Lin Che Sing (Chung Ching) jauh buangan 32' 19 1/2".

LEMPAR PIRING.

Pertama, Yusuf Damit (MPMB) jauh lemparan 103' 8" dan tidak dapat memecahkan record tahun 1966 yang di-buat oleh Yap Oi Chin (St. Margaret's Seria) yang jauh lemparan-nya 110' 5 1/2", kedua, Philip Chin (St. Margaret's) jauh lemparan 93' 8", dan ketiga, Masri Limbang (SMM SMJA) jauh lemparan 91' 10".

LOMPAT KIJANG.

Pertama, Zainal Sanip (MSOAS) jauh lompatan 41' 1" dan tidak dapat memecahkan record tahun 1966 yang di-

buat oleh Chang Siew Khun (MAA) yang jauh lompatannya 44' 1 1/2", kedua, Osman Basiah (MPMB) jauh lompatan 40' 7", dan ketiga, Sahbudin Zainal (SMM Belait) jauh lompatan 37' 11".

KEPUTUSAN

BAHAGIAN PEREMPUAN

80 METRES LOMPAT PAGAR.

Pertama, Zene Kadir (MPMB) dengan menchatet masa 15 sa'at dan telah memecahkan record tahun 1966 yang di-buat olehnya sendiri dengan masanya 15.35 sa'at, kedua, Sukarni Kadir (MAA) dengan menchatet masa 16.6 sa'at, dan ketiga, Asmah A. Rahman (STPRI) dengan menchatet masa 16.8 sa'at.

LARI 100 METRES.

Pertama, Marinah Metali (STPRI) dengan menchatet masa 14.5 sa'at dan telah dapat menyamai record tahun 1966 yang di-buat oleh Fatimah Husain (MSOAS), kedua, Annie Yapp (St. Angel's Convent) dengan menchatet masa 14.8 sa'at dan ketiga, Tong Cheng Kuan (Chung Ching) dengan menchatet masa 15 sa'at.

LARI 200 METRES.

Pemenang pertama dan kedua telah dapat memecahkan record tahun 1966 yang di-buat oleh Juliana Chua (St. Margaret, 33.2 sa'at.

Pertama, Fatimah Husain (MSOAS) dengan menchatet masa 31.8 sa'at, kedua, Rubiah Johan (STPRI) dengan menchatet masa 32.4 sa'at, dan ketiga, Rafiah Hasan (SMMP) dengan menchatet 33.7 sa'at.

LARI 400 METRES.

Pertama, Dk. Rani P. Metasan (STPRI) dengan menchatet masa 1m. 15 sa'at dan tidak dapat memecahkan record tahun 1966 yang di-buat oleh Lim Geok Kheng (MAA) dengan masanya 1m. 13.3 sa'at, kedua, Rokiah Ismail (MPMB) dengan menchatet masa 1m. 15.4 sa'at dan ketiga, Christine Chong (MAA) dengan menchatet masa 1m. 19.4 sa'at.

LARI 800 METRES.

Pertama, Dk. Rohani P. Tajudin (SMMP) dengan menchatet masa 2m. 58.6 sa'at dan ia tidak dapat memecahkan record tahun 1966 yang di-buat olehnya sendiri dengan masanya 2m 22.4 sa'at, kedua, Chong Fong Yuke (Chung Ching) dengan menchatet masa 3 minit. dan ketiga, Dk. Rosniah P. Metasan (STPRI) dengan menchatet masa 3m. 2.2 sa'at.

LARI BERGANTI2 4x100 METRES.

Pertama, Pasokan STPRI dengan menchatet masa 59.2 sa'at. Pasokan ini tidak dapat memecahkan record tahun 1966

(Lihat muka 7)

JAWATAN² KOSONG DAN KENYATAAN²

Tukang Pelan

PERMOHONAN² ada-lah di-pelawa bagi memenohi jawatan sa-bagai Tukang Pelan di-Pejabat Kaji Bumi, Brunei.

Gaji: Dalam sukatan gaji \$210x10 - 260/EB/270x15 - 360. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan² dan pengalaman.

Kelayakan²: Chalon² mesti-lah mempunyai Sijil Persekolahan Seberang Laut atau yang bersamaan dengan-nya dan mesti-lah mahir berbahasa Inggeris.

Tugas²: Pemohon² yang terpilih di-kehendaki menyediakan peta² kaji bumi dan rajah²-nya untuk di-chetak serta mengadakan data kaji bumi dan penyelidikan yang di-jalankan di-luar.

Sharat² Lantekan: Chalon yang berjaya yang bukan dari ra'ayat D.Y.M.M. Al-Sultan akan di-lantek sechra berkontrek selama 3 tahun termasuk masa perhubungan selama 6 bulan. Pembaharuan kontrek ada-lah dengan persetujuan bersama.

Baksis: Baksis sebanyak 12½% dari gaji akan di-bayar bagi tiap² bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Pemohonan² yang mesti di-penohkan di-atas borang² yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama² dengan salinan surat² akan dan sijil² kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat daripada 12 Jun, 1967.

PEMEREKSA PERTUKARAN BUROH

PERMOHONAN² ada-lah di-jemput daripada Pegawai² yang sedang berkhidmat dalam Pejabat² kerajaan yang menjadi ra'ayat D.Y.M.M. Al-Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sedemikian bagi jawatan Pemeriksa Pertukaran Buroh, di-Pejabat Buroh, Brunei.

Gaji: Dalam sukatan gaji \$210x10 - 270x15 - 360x20 - 480/EB/500x20 - 620. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan² dan pengalaman.

Pemohon² yang mempunyai kelayakan² yang tersebut di-bawah ini di-kehendaki memohon: —

(a) Pemohon² mesti-lah berke-lulusan Darjah V Melayu dan Form II Inggeris atau yang bersamaan dengan-nya.

(b) Pemohon² mesti-lah sudah berkhidmat sekurang²-nya 5 tahun di-Pejabat² Kerajaan dan mesti-lah mempunyai pengalaman dalam mengendalikan buroh atau kerja² yang berkaitan dengan pekerja².

Pemohonan² yang mesti di-penohkan di-atas borang² yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 8 Jun, 1967.

MEMUSNAHKAN ANJING²

ORANG ramai ada-lah dengan ini di-beritahu bahawa mulai dari 7 June, 1967, Jabatan Bandaran, Brunei akan melancarkan gerakan membunuh anjing² yang tidak bertuan dan tidak berlesen yang ada berke-luaran di-seluruh Kawasan Bandaran, Brunei seperti jadual yang di-tetapkan di-bawah ini:

- 7 — 9/6/1967 — Dari Sekolah Pintu Malim hingga ka-Band Stand.
- 10 — 12/6/1967 — Dari Rest House hingga ka-Jalan Sumbiling.
- 13 — 15/6/1967 — Dari Jalan Sumbiling hingga ka-Batu 1, Jalan Tutong.
- 16 — 18/6/1967 — Dari Batu 1, Jalan Tutong hingga ka-Batu 2.
- 19 — 21/6/1967 — Dari Batu 2, Jalan Tutong hingga ka-Batu 3.
- 22 — 24/6/1967 — Dari Batu 3, Jalan Tutong hingga ka-

Batu 4.

25 — 27/6/1967 — Dari Kampong Kianggeh hingga ka-Kampong Barangan.

28 — 30/6/1967 — Dari Pejabat Pos hingga ka-Kedai Tasek termasuk Kampong Mabohai.

1 — 3/7/1967 — Dari Simpang Kubor Kristian hingga ka-Jambatan Jalan Gadong termasuk Jalan Ong Sum Ping dan Jalan Sinuai.

4 — 6/7/1967 — Dari Brunei Sports Club hingga ka-Istana Tetamu, termasuk lapangan Terbang, Jalan Merdeka dan Jalan Perayaran, dan Kawasan Rumah² Menteri.

KELEPASAN SEKOLAH² MELAYU NEGERI BRUNEI

Dengan ini Jabatan Pelajaran mema'alumkan bahawa Kelepasan Mandi Safar pada 5 June, 1967 yang telah di-atoran dalam Siaran Sementara Bil: 57/1966 itu ada-lah di-batalkan. Dan kelepasan itu di-gantikan pada 8 November, 1967, ia-itu kerana Nisfu Sha'aban.

31hb. Mei, 1967 ia-lah sabagai Hari Kelepasan Awam termasuk-lah Sekolah² Melayu, ini ia-lah kerana memperingati Hari Ulang Tahun Askar Melayu Di-Raja, Brunei.

Gunakan-lah Bahasa Melayu

SOKAN DAN OLAH-RAGA

(Dari muka 6)

yang di-buat oleh pasukan Maktab Perguruan Melayu Brunei dengan masa-nya 58.3 sa'at, kedua, Pasokan St. Margaret's dengan masa-nya 61 sa'at, dan ketiga, Pasokan Chung Ching dengan masa-nya 61.1 sa'at.

LOMPAT TINGGI.

Pertama, Rita Chua (St. Margaret's) tinggi lompatan-nya 3' 11½" dan telah dapat memecahkan rekord tahun 1966 yang di-buat oleh Margaret Chong (MAA) yang tinggi lompatan-nya 3' 10½", kedua, Elizabeth Ang (St. Andrew's) tinggi lompatan-nya 3' 9", dan ketiga, Marry Buma (St. Angela's) tinggi lompatan 3' 8".

BUANG PELURU.

Pertama, Masni Md. Said (MPMB) jauh buangan 25' 0" dan tidak dapat memecahkan rekord tahun 1966 yang di-buat oleh Lim Lai Hoh (Chung Ching) yang jauh buangan-nya 26' 11", kedua, Fatimah Haji Ibrahim (MSOAS) jauh buangan-nya 20' 6", dan ketiga, Grace Keasberry (St. Andrew's) jauh buangan 20' 5".

LEMPAR PIRING.

Pertama, Saedah Jamil (MAA) jauh lemparan-nya 63' 8" dan tidak dapat memecahkan rekord tahun 1966 yang di-buat oleh Dk. Iring P. Md. Said (MPMB) yang jauh lemparan-nya 63' 10", kedua, Chong Leng Tai (St. Margaret's) jauh lemparan 62' 7", dan ketiga, Afsah Yusuf (MSOAS) jauh lemparan 61' 11".

LOMPAT JAUH.

Pemenang pertama dan kedua telah dapat memecahkan rekord tahun 1966 yang di-buat oleh Juliana Chua (St. Margaret's) yang jauh lompatan-nya 12' 6".

Pertama, Sanah Tamit (STR-RI) jauh lompatan 13' 6", kedua, Juliana Chua (St. Margaret's) jauh lompatan 13' 5½" dan ketiga, Fatimah Manan (MSOAS) jauh lompatan 12' 2".

LONTAR LEMBING.

Pertama, Koh Been Lian (MSOAS) jauh lontaran 77' 6". Koh tidak dapat memecahkan rekord tahun 1966 yang di-buat oleh Norfiah Bolhasan (MPMB) yang jauh lontaran-nya 78' 9", kedua, Norfiah Bolhasan (MPMB) jauh lontaran 75' 11", dan ketiga, Masnah Ahmad (STPRI) jauh lontaran 74' 9".

Dalam perlawanan petang itu tujuh rekord tahun 1966 yang telah dapat di-pecahkan dan 1 rekord yang sama.

Di-susun oleh:

Md. Husain bin Zainal.

Waktu² Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu² sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah² Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 31 Mei, 1967 hingga ka-hari Selasa 6 June, 1967 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
31 Mei	12-23	3-42	6-34	7-46	4-36	4-51	6-06	
1 Jun	12-25	3-45	6-35	7-47	4-37	4-52	6-06	
2 Jun	12-25	3-45	6-35	7-47	4-37	4-52	6-06	
3 Jun	12-25	3-45	6-35	7-47	4-37	4-52	6-06	
5 Jun	12-25	3-45	6-35	7-47	4-37	4-52	6-06	
4 Jun	12-25	3-45	6-35	7-47	4-37	4-52	6-06	
6 Jun	12-25	3-45	6-36	7-48	4-37	4-52	6-06	

Waktu sembahyang dari imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap² waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

S. U. K. rasmikan rumah persinggahan K. B.

KUALA BELAIT—Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Md. Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah menyatakan tentang pelaksanaan projek2 pembenaan dan pembangunan di-negeri ini.

Beliau menjelaskan bahawa Kerajaan maseh menchari jalan dan chara untuk melaksanakan projek2 pembenaan dan pembangunan itu jika projek2 tersebut memberi faedah kepada rakyat dan negara.

Pengiran Dato Seri Paduka Haji Md. Yusuf menyatakan demikian ketika merasmikan pembukaan Rumah Persinggahan Kerajaan di-Kuala Belait pada hari Ahad yang lalu.

Rumah persinggahan tersebut, kata beliau, ia-lah salah satu daripada projek seperti itu dan bangunan ini di-bena menurut bentuk moden untuk menambahkan kecantikan bandar tersebut.

Rumah persinggahan itu menelan belanja pembenaan-nya \$300,000.00 termasuk belanja menyiapkan tapak bangunan dan membeli alat2 kelengkapan. Ia-nya di-lengkapkan dengan alat2 penyejuk, mempunyai 10 buah bilek tamu, ruang untuk beristirehat dan dewan makan.

Sa-lepas itu, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Md. Yusuf juga telah merasmikan pembukaan Hotel Sentosa di-Bandar Kuala Belait.

Hotel yang mempunyai 40 buah bilek itu akan menolong mengatasi kekurangan tempat tinggal bagi pelawat2 ka-bandar tersebut.



Yang Berhormat, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Md. Yusuf kelihatan dalam gambar atas sedang melaksanakan pembukaan rasmi Rumah Tumpangan Kerajaan, Kuala Belait.

Pendaftaran masuk ka-sekolah2

BANDAR BRUNEI. — Pendaftaran-kanak2 untuk memasuki ka-sekolah2 Melayu akan di-tutup pada 15 Julai.

Pendaftaran yang telah dibuka pada bulan ini ia-lah untuk kanak2 yang lahir sebelum 1 haribulan Julai, tahun 1962.

Penguasa Pelajaran Melayu berkata, kanak2 yang akan di-daftarkan menjelang 15 Julai hendaklah di-hantar ka-sekolah2 dalam masa dua minggu sa-telah tarikh pembukaan penggal pertama sekolah bagi tahun 1968.

Pendaftaran tidak akan di-terima sa-lepas 15 Julai dan kanak2 tidak akan di-terima masuk dua minggu sa-lepas penggal pertama persekolahan di-buka.

D. Y. M. M. MAULANA AL-SULTAN DI-AMERIKA

BANDAR BRUNEI — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan telah berangkat tiba di-Amerika Sharikat dalam kunjungan Baginda ka-seluruh dunia.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan telah melawat Sydney dan Melbourne di-Australia, Wellington di-New Zealand dan Montreal di-Canada.

Sa-puchok kawat yang telah di-terima oleh Istana hari Ahad lepas berkata, Baginda telah berada di-Chicago pada minggu lalu dan di-Washington beberapa hari yang lalu.

Duli Yang Maha Mulia Baginda, di-iringi oleh jurur-iring Baginda serta Pengarah Perkhidmatan2 Perubatan, Dato Dr. Franks telah berangkat meninggalkan tanah ayer kerana kunjungan tersebut pada 26 April yang lalu.

Pembetulan Berita

Berhubung dengan laporan di-muka 2 Pelita Brunei keluar 24 Mei 1967 berkenaan dengan lantikan Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusuf, Setia Usaha Kerajaan sa-bagai Yang Di-Pertua Majlis Mashuarat Pengakap Negeri Brunei, adalah tidak betul dan mengelirukan orang ramai.

Sa-benar-nya Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan tidak pernah di-kunjungi untuk menjadi Yang Di-Pertua Majlis Mashuarat Pengakap Negeri Brunei sa-hingga hari ini.

GEMA DARI MENERA FILEM PERTAMA J.H.E.U.

BANDAR BRUNEI Jabatan Hal-Ehwal Ugama Brunei terus meneruskan akan memesatkan ranchangan2-nya dalam meluaskan shi'ar Islam dan kemajuan-nya pada menanamkan kesedaran beragama di-kalangan raayat.

Salah satu dari ranchangan2 tersebut ia-lah dengan mengadakan sa-buah lakunan wayang gambar yang berchurak dan menggambarkan perkembangan2 Ugama Islam di-negeri ini.

Filem tersebut berbentuk dalam ukuran 16mm dan 35mm dan akan di-buat dengan warna warni. Apabila selesai penggambaran-nya nanti akan di-pertontonkan kepada orang ramai di-kampung2 dan di-pinggong2 di-negeri ini dengan perchuma.

Cherita yang akan di-filemkan itu bertajok "Gema dari Menera" karya Awang Abdul Saman Kahar, sa-orang penuntut Brunei lepasan Kolej Islam Malaya yang akan meneruskan pelajaran-nya ka-Mesir.

Pegawai Hal-Ehwal Ugama Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kamaluddin menyatakan bahawa perbelanjaan bagi melaksanakan ranchangan perfileman itu akan menelan lebih dari seratus ribu ringgit.

Mengenai pelakon2 yang akan mengambil bahagian dalam cherita itu satu siaran memelihara pemuda pemudi tempatan yang mempunyai bakat belakon telah pun di-keluarkan.

Pelakon2 yang di-kehendaki itu berumur tidak kurang dari 17 tahun dan tidak lebih 25 tahun, berbangsa Melayu dan kechenderongan berlakun dan fash berbahasa Melayu.

Pemuda pemudi yang ingin memasuki lapangan itu hendaklah membuat permohonan mereka tidak lewat dari 15 Jun, 1967, dan satu ujian berlakun (screen test) akan di-adakan kelak.

Lampu Isharat lalu lintas di-Seria

SERIA. — Lampu Isharat lalu lintas sechara otomatik yang pertama bagi daerah Belait telah di-chadangkan pemasangan-nya di-Seria dekat simpang Jalan Sultan dengan Jalan Raja Isteri.

Penguasa Pengawalan Kenderaan Darat Awang Abdul Ghani bin Jamil berkata, beliau telah membuat shor itu kepada jawatankuasa lalu lintas Majlis Bandaran Seria.

KETUA PEJABAT DI-MINTA BEKERJASAMA

(Dari muka 1)

dupan kepada penduduk2 dalam daerah-nya sedang dalam peringkat pelaksanaan.

Awang Ali menyatakan bahawa lebih dari 4,000 kaki jambatan2 di-sekitar Kampong Ayer akan di-bena tidak berapa lama lagi untuk memudahkan penduduk2 di-situ membuat hubungan2 antara rumah kamrah dan ka-bandar.

Kata-nya, pembenaan ini di-laksanakan ada-lah memandang kepada kepayahan penduduk2 itu membuat perhubungan2 tersebut terutama ketika hujan dan ayer chetek.

Menjawab satu pertanyaan, Aw. Ali menjelaskan bahawa perbelanjaan bagi pelaksanaan projek itu akan menelan lebih

sa-ratus ribu ringgit dan kerja2 pembenaan itu akan di-usahakan oleh Jabatan Kerja Raya.

Beliau sa-lanjut-nya menyatakan bahawa hubungan2 telah pun di-buat kepada Jabatan Kerja Raya untuk merangka pembenaan itu dan sa-terus-nya membuat tawaran2 kepada pemborong2.

"Saya berharap pembenaan itu nanti akan di-laksanakan dengan sa-berapa segera", tegas Awang Ali.

Di-samping itu Awang Ali juga menyatakan tentang pembenaan jambatan2 kechil dan jalan2 kechil di-kampung2 tanah daratan yang di-taksir menelan belanja kira2 dua ratus ribu ringgit.

Pembenaan itu ada yang telah di-laksanakan dan akan di-laksanakan sa-cepat mungkin.